

# Lebih 40 ahli bela diri adakan tunjukcara

21 JUL 1981 BERAKAR SIKAT CP

LEBIH 40 orang ahli berbagai jenis seni mempertahankan diri akan menunjukkan keahlian mereka dalam satu tunjukcara yang akan diadakan pada hujung bulan ini.

Satu hal yang menarik dalam tunjukcara itu ialah para ahli itu tidak akan berlawan dengan orang-orang yang ahli dalam seni yang sama, sebaliknya, mereka akan mencari lawan dari jurusan yang berbeza.

Contohnya, seorang ahli silat akan ditemukan dengan seorang yang ahli dalam tae-kwon-do dan begitulah seterusnya dengan ahli-ahli dalam seni mempertahankan diri yang lain, termasuk judo, kungfu dan shaolin.

Satu pra-nonton tentang persembahan itu telah diadakan di auditorium Persatuan Rakyat pada Ahad lalu, di mana seorang ahli silat gayung telah ditemukan dengan seorang ahli tae-kwon-do.

Cik Noorwina Mahamood, ahli silat gayung dari Perwanit, telah menunjukkan keahlianya menentang Cik Wong Liang Ming, dari Persekutuan Taekwondo Singapura.

Cik Noorwina, 22 tahun, yang mula belajar silat sejak di menengah satu, berkata bahawa beliau mempelajari seni itu kerana mendapat tidak ramai wanita terlibat dalam kesenian itu.

Berkelulusan tali pinggang hitam gred 3, beliau juga berkata bahawa suaminya, Encik Ismail Senan, tidak melarang beliau meneruskan kegiatan itu.

## Tetamu

Bekerja sebagai seorang ahli penjaga kecantikan badan wanita di sebuah salon, beliau juga aktif dalam seni drama dan tarian.

Sejauh ini beliau telah berlakon dalam beberapa buah drama purba di pentas dan televisyen.

Cik Wong juga mula belajar tae-kwon-do sejak di bangku sekolah dan menyatakan rasa gembiranya dapat menyertai tunjukcara itu.

Demonstrasi Free Sparring mempertahankan diri itu akan diadakan di Stadium Gay World pada 24 dan 25 Julai, anjuran Persatuan Jurulatih Mempertahankan Diri Singapura.

Presiden persatuan itu, Encik Sim Pooh Ho, berkata bahawa lebih 20 buah kelab mempertahankan diri akan mengambil bahagian.

Inilah julung-julung kali seni dari kaum Melayu, India dan Cina digabungkan dalam satu tunjukcara.

Tiga buah kumpulan silat akan mengambil bahagian dalam tunjukcara ini iaitu Silat Kuningan Himpunan Queenstown, Silat Gayong Perwanit dan Silat Esha, di mana setiap kumpulan diwakili oleh tiga orang peserta.

Lain-lain persatuan yang akan mengambil bahagian dalam tunjukcara itu terdiri dari Shitoryu Karate, Oyama Kyukushinkai, YMCA, Nam Wah

# Seruan agar diperluas ilmu bela diri

ORANG-ORANG yang menceburkan diri dalam seni mempertahankan diri hendaklah meluaskan pengetahuan dalam bidang itu dengan mengadakan latihan dan kajian yang kerap.

Dengan cara itu, mereka dapat mempelajari tentang lain-lain seni mempertahankan diri dan mewujudkan satu campuran berbagai seni itu di sini.

Hasil dari usaha itu, sejenis seni mempertahankan diri yang baru yang dapat diakui sebagai milik Singapura, akhirnya akan dapat dicipta.

Demikian Menteri Negara Kanan (Pejabat Perdana Menteri) Encik Lee Khoon Choy, menekankan ketika berucap di upacara pertunjukan seni mempertahankan diri di Stadium Gay World malam tadi.

Menurutnya lagi, para pencinta seni mempertahankan diri juga tidak harus merasa berpuashati untuk setakat mempelajari satu jenis seni tersebut dan dari seorang guru saja.

Mereka hendaklah cuba mendapatkan lebih banyak pengetahuan dengan mempelajari berbagai seni itu di sini dan jangan merasa bersalah kerana melakukan demikian.

Dengan cara itu juga mereka akan mengetahui apakah kelemahan atau kekurangan yang terdapat pada seni mempertahankan diri yang mereka pelajari dan apa pula yang ada pada seni mempertahankan diri lain yang tidak mereka pelajari.

21 JUL 1981